

## MATA PELANDUK

Nama Saintifik	: <i>Ardisia stylosa</i> Miq.(A.colorata Roxb.)
Nama Tempatan	: Mata pelanduk
Nama Sebutan Orang Melayu	: Mata pelanduk
Nama Sebutan Orang India	: Rempenai
Nama Sebutan Orang Siam	: Kheriang
Famili	: Myrsinaceae



### Huraian Morfologi

Pokok renek, tiada bulu. Daun bentuk mata lembing memanjang. Bunga pada hujung ranting. Buah masak berwarna hitam, 5mm tebal, berbentuk bulat bebola.

### Taburan Ekologi

Hutan tanah rendah dan berbukit

### Status di Malaysia

Kemungkinan luas taburan



### Kegunaan

- Akar – untuk ibu selepas bersalin, merawat batuk dan menghentikan cirit.
- Daun – untuk merawat cirit.
- Daun, kulit & akar – untuk merawat sakit lumbago, lumpuh, reumatisme dan ulser.
- Kulit – untuk merawat cirit & demam panas.

### Kaedah

Air rebusan akar diminum.

Air rebusan daun diminum.

Daun, kulit & akarnya dibuat ubat pupuk. Air rebusan kulit diminum.

### Bahagian digunakan

Daun, kulit & akar